SELANGOR

# ENAKMEN No. 3 tahun 2000

BETA PERKENANKAN,

TENGKU IDRIS SHAH IBNI SULTAN
SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH AL-HAJ,
*Pemangku Raja Selangor*

(MOHOR KERAJAAN) 30 Ogos 2000

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) 1980.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti berikut:

**1.** Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2000. Tajuk ringkas.

**2.** Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) 1980 yang disebut "Enakmen ibu" dalam Enakmen ini, adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 4, seksyen 4A yang berikut— Seksyen 4A baru. *Sel. En. 8/80.*

"Saraan Timbalan Speaker. 4A. Saraan bagi Timbalan Speaker Dewan Negeri hendaklah berupa gaji bulanan sebanyak dua ribu lima ratus ringgit, selain dari elaun bulanan yang kena dibayar kepadanya sebagai Ahli Dewan Negeri seperti yang dinyatakan dalam seksyen 3.".

Pindaan seksyen 5.

**3.** Seksyen 5 Enakmen ibu adalah dipinda—

(*a*) dengan memotong tanda koma selepas perkataan-perkataan "seksyen 4"; dan

(*b*) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan "seksyen 4", perkataan-perkataan "dan seksyen 4A,".

Pindaan seksyen 7.

**4.** Seksyen 7 Enakmen ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan "seksyen 4", tanda koma dan menambah perkataan-perkataan "seksyen 4A".

Diluluskan pada 7 Ogos 2000.
[P.U. Sel. Am/0084; DUN. Sel. 30287/1 Jld. 3.]

ASMAWAR BIN SAMAT,
*Setiausaha,*
*Dewan Undangan Negeri,*
*Selangor*

SELANGOR

# ENACTMENT No. 3 of 2000

I ASSENT,

TENGKU IDRIS SHAH IBNI SULTAN
SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH AL-HAJ,
*Regent of Selangor*

(STATE SEAL) 30 August 2000

An Enactment to amend the Members of the Administration and the Legislative Assembly (Remuneration) Enactment 1980.

[ ]

BE IT ENACTED by the Legislature of the State of Selangor as follows:

**1.** This Enactment may be cited as the Members of the Administration and the Legislative Assembly (Remuneration) (Amendment) Enactment 2000. Short title.

**2.** The Members of the Administration and the Legislative Assembly (Remuneration) Enactment 1980, which in this Enactment is referred to as "the principal Enactment" is amended by inserting after section 4, the following section 4A— New section 4A. *Sel. En. 8/80.*

"Remuneration of Deputy Speaker. 4A. The remuneration of the Deputy Speaker shall consist of a monthly salary of two thousand five hundred ringgit, in addition to the monthly allowance payable to him as a member of the Legislative Assembly as specified in section 3.".

Amendment of section 5.

**3.** Section 5 of the principal Enactment is amended—

(*a*) by deleting the coma after the words "section 4"; and

(*b*) by inserting after the words "section 4", the words "and section 4A,".

Amendment of section 7.

**4.** Section 7 of the principal Enactment is amended by inserting after the words "section 4", a coma and the words "section 4A".

Passed this 7th day of August 2000.
[P.U. Sel. Am/0084; DUN. Sel. 30287/1 Jld. 3.]

ASMAWAR BIN SAMAT,
*Clerk of the Legislative Assembly,*
*Selangor*